

TEKS UCAPAN PERASMIAN

OLEH :

**YANG BERTHORMAT
DATO' HAJI TAJUL URUS BIN MAT ZAIN
EXCO PENDIDIKAN NEGERI KEDAH**

SEMPENA

**PROGRAM BUAL BICARA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**

PADA :

26 SEPTEMBER 2017 (SELASA)

2.30 PETANG

BERTEMPAT DI

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH LANGKAWI

Saudara Pengacara Majlis,

Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Phesal bin Talib
Timbalan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berbahagia Datuk Abu Bakar bin Idris
Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Dihormati
Barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berusaha Encik Halid bin Ali
Pegawai Pendidikan Daerah Langkawi

Dif-dif Kehormat, Pegawai-pegawai SPP, Pegawai-pegawai
JPN dan PPD , tuan-tuan dan puan-puan warga pendidikan
Pulau Langkawi yang dihormati sekalian.

PENDAHULUAN

Salam Sejahtera dan Salam NegaraKu Malaysia

1. Pertama sekali saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada SPP kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan **PROGRAM BUAL BICARA SPP BERSAMA WARGA PENDIDIKAN PULAU LANGKAWI** bersempena Program Jaringan Strategik SPP di Pulau Langkawi. Saya difahamkan pada sebelah pagi tadi telah berlangsung Program Tanggungjawab Sosial Korporta (CSR) SPP di SK Seri Lagenda, Langkawi. Syabas dan tahniah diucapkan kepada SPP kerana telah berjaya melaksanakan CSR berkenaan. Saya amat berharap program seperti ini akan diteruskan lagi pada masa akan datang. Seterusnya, saya juga ingin mengucapkan rasa syukur dan terima kasih kepada semua para hadirin yang sudi meluangkan masa menghadiri program ini.

2. Saya berasa amat berbesar hati kerana kita dapat berkumpul bersama-sama pada hari ini bagi menyahut seruan Kerajaan yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri kita, YAB Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak untuk menjadikan tahun 2017 sebagai *year of delivery* bagi penjawat awam.

3. Bagi menjayakan hasrat YAB Perdana Menteri untuk menjadikan tahun 2017 sebagai tahun penyampaian perkhidmatan, pegawai awam adalah diingatkan untuk memastikan program dan projek yang dirancang dapat dilaksanakan untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Sebagai warga pendidik, tuan-tuan dan puan-puan mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membimbing anak bangsa menjadi insan yang berguna dan dapat memberi sumbangan kepada negara. Selain itu, tuan-tuan dan puan-puan juga merupakan agen penyampai dasar-dasar Kerajaan kepada masyarakat setempat khususnya dan rakyat secara umumnya.

OBJEKTIF PROGRAM

Hadirin yang dihormati sekalian

4. Saya difahamkan Program Bual Bicara yang dianjurkan pada petang ini adalah merupakan satu inisiatif Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) selaku Pihak Berkuasa Melantik untuk mendekati guru-guru yang telah dilantik untuk memastikan mereka tidak tergelincir dari menggalas tanggungjawab mendidik anak bangsa bagi melahirkan generasi pelapis bagi mewarisi kesinambungan kecemerlangan negara Malaysia yang tercinta. Atas rasa tanggungjawab untuk memastikan guru-guru yang telah dilantik untuk terus kekal komited dalam melaksanakan tanggungjawab SPP sedar akan keperluan untuk sentiasa berdamping dengan guru-guru bagi

memberikan panduan dan tunjuk ajar yang diperlukan. Melalui program ini juga SPP berharap untuk mendengar dan mengenal pasti sekiranya terdapat sebarang permasalahan atau isu yang dihadapi oleh guru-guru di peringkat akar umbi.

5. Kehadiran Barisan Ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) pada petang ini yang dianggotai oleh pesara-pesara yang terdiri dari kalangan bekas Pegawai Tinggi Kerajaan yang diketuai oleh Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Haili bin Dolhan untuk bertemu dan berdialog dengan warga pendidik di Pulau Langkawi ini, saya harapkan akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk mendapatkan petua dan rahsia kejayaan Ahli-Ahli Suruhanjaya yang mana ada dikalangan mereka telah dinobatkan sebagai tokoh guru kebangsaan. Yang Berbahagia Tan Sri Dr.Haili bin Dolhan sendiri adalah merupakan Tokoh Guru Kebangsaan bagi Tahun 2015 , Yang Berbahagia Dato' Haji Sufaat bin Tumin, mantan Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia baharu sahaja menerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan Tahun 2017 bagi Kategori Kepimpinan dan juga Yang Berusaha Puan Hajah Serina binti Sauni, mantan Pengarah Institut Aminudin Baki juga telah dipilih sebagai penerima Tokoh Guru Negeri Sarawak Bagi Tahun 2017 dan juga Tokoh Guru Bintulu bagi tahun yang sama.

PERANAN PENDIDIK

Hadirin yang saya hormati sekalian

6. Guru memainkan peranan penting untuk menyempurnakan akhlak murid serta membentuk insan seimbang dan berperibadi unggul. Lebih-lebih lagi dalam keghairahan kita mengejar kemajuan material, aspek akhlak dan nilai murni mesti diberikan perhatian yang utama oleh sistem pendidikan kita.

7. Modal insan yang ingin kita bangunkan tidak seharusnya dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran semata-mata, tetapi juga mesti diperkukuhkan dengan akhlak yang terpuji dan nilai-nilai yang murni. Bagi saya aspek akhlak, budi pekerti, integriti, amanah dan nilai-nilai murni adalah komponen yang amat penting dalam membina negara bangsa dan mencapai kemajuan ekonomi yang lestari.

8. Tanpa kita sedari, sifat jujur, amanah dan integriti sebenarnya merupakan nilai intrinsik yang menjadi tunjang dan pasak kemajuan ekonomi. Dalam perniagaan misalnya, seorang peniaga yang jujur dan amanah akan mendapat kepercayaan pelanggan untuk terus membeli barangan atau melanggan perkhidmatan yang ditawarkan. Jika peniaga itu tidak amanah dengan melakukan penipuan atau manipulasi untuk mengaut keuntungan berlebihan, maka sudah pasti

pelanggan tidak lagi mempercayainya dan perniagaannya akan mengalami kerugian.

9. Saudara dan saudari, renungkanlah. Integriti mungkin dianggap satu perkara yang kecil dan soal individu. Tetapi hakikatnya ketiadaan integriti hanya pada segelintir individu boleh mendatangkan malapetaka yang besar kepada sesuatu industri, masyarakat dan juga negara. Oleh itu, sudah sampai masanya kita meletakkan pendidikan moral dan akhlak kearah melahirkan insan yang amanah, berintegriti dan bertanggungjawab sebagai urusan utama (core business) pendidikan di negara kita.

10. Hal ini boleh direalisasikan sekiranya guru-guru sentiasa menerapkan nilai-nilai murni seperti sifat amanah, jujur, telus dan budi pekerti yang mulia dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti kesukanan dan ko-kurikulum. Tugas mendidik murid supaya berakhlak mulia dan berdisiplin tidak hanya terletak pada bahu guru pendidikan moral, guru pendidikan Islam atau guru disiplin, tetapi pada semua guru. Jika kita dapat menjadikan sekolah sebagai medan asuhan akhlak dan sahsiah murid yang sempurna, saya yakin hasrat kita untuk melahirkan insan yang berilmu dan berakhlak mulia akan menjadi kenyataan.

PENINGKATAN PROFESIONALISME KEGURUAN

Hadirin yang saya hormati sekalian

11. Sememangnya mendidik merupakan satu tugas yang amat berat dan mencabar kerana saya juga pernah bergelar seorang guru satu ketika dahulu. Justeru saya merasa amat dekat dengan profesion keguruan yang sudah sehati dalam jiwa saya. Saya sedar menjadi guru pada hari ini tidaklah semudah yang disangka. Tugas dan tanggungjawab besar yang terletak di bahu para guru memerlukan komitmen tinggi dan menuntut perubahan dinamik dalam profesionalisme keguruan. Oleh itu, KPM melalui program Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) menyediakan platform yang sesuai untuk guru meningkatkan tahap profesionalisme dalam kerjaya di samping memantapkan imej sendiri. Seorang guru yang profesional adalah guru yang berilmu, mempunyai kemahiran dan ketrampilan dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta memiliki sahsiah yang boleh menjadi contoh teladan kepada murid.

12. Dalam usaha memastikan guru yang dilahirkan oleh institusi pendidikan guru mampu mendidik murid menjadi insan berkualiti, sistem pengambilan guru pelatih juga telah ditambah baik. Dalam Gelombang Pertama anjakan keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025, Institut Pendidikan Guru kini melaksanakan dasar pengambilan yang

lebih ketat iaitu sebanyak 30 peratus pengambilan baharu adalah terdiri daripada pelajar cemerlang yang mendapat sekurang-kurangnya 5A dalam SPM. Saya amat berharap agar pemilihan calon guru yang terbaik dapat membantu melonjakkan mutu pendidikan negara. Saya yakin SPP dapat melaksanakan tanggungjawab ini dengan sebaiknya bagi memastikan kualiti system pendidikan negara akan sentiasa terjamin dan berada pada tahap terbaik.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian

13. Jutaan terima kasih kepada insan yang bergelar guru di mana jua anda berada. Biarlah ungkapan keramat 'guru' atau 'cikgu' terus kekal meniti di bibir murid, ibu bapa dan masyarakat hingga ke akhir hayat seorang guru. Semoga saudara dan saudari para guru terus menjadi penyuluh dan suri teladan dalam memartabatkan tradisi keilmuan dan membentuk kesempurnaan akhlak generasi muda. Marilah kita bersatu hati dan berganding bahu dalam usaha melestarikan pendidikan yang merupakan agenda berterusan dalam gelombang transformasi pendidikan bagi melahirkan generasi pewaris kepemimpinan negara yang berpersonaliti unggul.

*Meski menangis dalam tawa
meski senyum dalam duka
meski pahit bagai gula
sabarlah
redalah
kerana kita guru yang kental jiwa dan raga
mendidik anak bangsa
dulu, kini dan selamanya.*

14. Akhir kata, setinggi-tinggi ucapan terima kasih, ikhlas daripada saya kepada tuan-tuan dan puan-puan khususnya kepada Yang Berbahagia Tan Sri Dr Haili bin Dolhan dan Barisan Ahli Suruhanjaya, Pihak Pengurusan SPP dan Pejabat Pendidikan Daerah Langkawi dan semua pihak yang terlibat di atas komitmen dan kerjasama yang diberikan untuk menjayakan majlis pada hari ini. Saya, dengan lafaz Bismilahirrahmanirahim dan penuh rasa besar hati merasmikan **PROGRAM BUAL BICARA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN BERSAMA WARGA PENDIDIK PULAU LANGKAWI.**

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualikum Warahmatullahi
Wabarakatuh

Sekian, terima kasih.